

Artikel Penyelidikan

Mengejar Impian Anak Seni : Tahir Ali

Fatin Nur Zulkipli^{1,*}, Siti Aishah Mokhtar², Nor Hafizzah Mohamed Razali³ dan Nurizazi Mohd Rosli⁴

¹ UiTM Cawangan Kelantan; fatinnurzul@uitm.edu.my; ID 0000-0002-5294-9125

² UiTM Cawangan Kelantan; aishah835@uitm.edu.my; ID 0009-0005-8916-0856

³ UiTM Cawangan Kelantan; hafizahrazali1002@gmail.com

⁴ UiTM Cawangan Kelantan; nrizzmr@yahoo.com

* Correspondence: fatinnurzul@uitm.edu.my; 0124515040.

Abstrak: Temubual ini membincangkan berkaitan pengalaman seorang penyanyi veteran Tahir Ali atau lebih dikenali sebagai Jatt Black Dog Bone. Tujuan temubual ini diadakan adalah untuk mengetahui tentang perjalanan kerjaya beliau sepanjang berada di dalam industri muzik tanah air. Walaupun terdapat pelbagai cabaran dan dugaan yang perlu dihadapi sepanjang melibatkan dirinya dalam industri seni hiburan ini, beliau tetap kuat dan cekal dalam mengharungi semua cabaran itu. Tambahan itu selaras dengan objektif kajian, temubual ini diadakan untuk mengkaji latar belakang kehidupan dan sejarah pendidikan tokoh. Di samping itu, dalam menyentuh sedikit mengenai latar belakang tokoh yang telah banyak memberikan perkhidmatan dalam memartabatkan lagi industri seni hiburan di negara ini, temu bual ini dijalankan bagi mengupas mengenai sumbangan atau pencapaian yang diterima oleh tokoh sepanjang beliau bergiat aktif dalam Industri Muzik Malaysia. Diharapkan sejarah kehidupan dan kerjaya beliau dapat dijadikan sumber inspirasi kepada semua orang.

Kata kunci: Tahir Ali, penyanyi, industri kreatif, industri muzik

DOI: 10.5281/zenodo.13968785



Copyright: © 2024 by the authors. Submitted for open access publication under the terms and conditions of the Creative Commons Attribution (CC BY) license (<https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/>).

1. PENGENALAN

Tujuan utama penyelidikan ini dilakukan adalah untuk mendapatkan maklumat mengenai pengalaman-pengalaman hidup tokoh-tokoh yang ada dalam negara Malaysia ini. Penyelidikan ini dilakukan bagi memastikan maklumat yang perolehi adalah maklumat yang asli dan sah yang didapati secara langsung dengan tokoh-tokoh seniman yang telah dipilih untuk ditemu bual. Tokoh-tokoh seniman atau lebih dikenali sebagai panggilan artis veteran ini merupakan salah satu panggilan yang diberikan kepada mana-mana penggiat seni yang telah lama menceburkan diri dalam bidang nyanyian, lakonan, penerbitan, dan banyak lagi.

Kajian ini dijalankan untuk memilih atau mencari tokoh seniman yang dirinya sudah lama berkecimpung dalam industri seni ini dan juga tokoh yang mempunyai banyak pengalaman-pengalaman hidup yang mereka boleh kongsikan supaya pengalaman-pengalaman mereka ini dapat menjadi rujukan kepada orang-orang yang memerlukannya. Oleh itu, melalui kajian ini dapatlah pengkaji mengambil peluang sebaik mungkin untuk mencari tahu dengan lebih mendalam mengenai tokoh seniman tersebut selain merungkai liku-liku kehidupan yang dilalui oleh seniman ini dalam mengejar impian hidupnya.

Seterusnya mengenai seniman yang telah dipilih untuk kajian ini adalah seorang penyanyi veteran yang terkenal pada tahun 1973-1990 an iaitu Tahir Ali atau lebih dikenali sebagai Jatt Ali. Penyanyi veteran ini dikenali di seluruh Malaysia sekitar 80-90 an dan beliau merupakan salah seorang ahli kumpulan Black Dog Bone. Bersama kumpulan ini mereka telah berjaya melancarkan 7 buah album.

2. PERMASALAHAN KAJIAN

Bagi melengkapkan kajian ini, seorang artis veteran telah dipilih untuk ditemubual iaitu penyanyi veteran Tahir Ali. Seperti yang kita sedia tahu ramai dikalangan remaja pada zaman kini kurang mengenali tokoh ini. Oleh itu di antara permasalahan kajian yang ingin dikaji berkaitan Tahir Ali adalah bagaimana beliau meneruskan bakat nyanyian beliau yang ada pada beliau di zaman kemajuan dan zaman yang mana anak-anak muda lebih berminat kepada nyayian-nyayian yang mendayu-mendayu serta nyanyian yang lebih kepada jiwa remaja. Selain itu, kajian juga dijalankan untuk mengetahui bagaimana beliau meneruskan kehidupan beliau sebagai seorang penyanyi rockers serta sebagai seorang pemain drum. Apakah yang beliau lakukan bagi menyambung legasi rockers serta bagaimana beliau lakukan untuk menarik minat anak muda untuk lebih mendalamni seni rockers ini.

Selain daripada itu, di antara isu yang turut dikaji dalam kajian ini adalah bagaimana artis-artis veteran meneruskan kehidupan mereka selepas sahaja mereka semakin kurang mendapat sambutan oleh masyarakat masa kini. Hal ini adalah kerana, seperti yang kita sedia maklum, kebanyakannya peminat-peminat artis tahun 80an ini datangnya dari warga-warga yang sudah berumur pada masa kini, oleh itu, dengan kajian ini juga, kita dapat mengetahui cabaran yang dilalui oleh artis veteran ini dalam usaha untuk memastikan masyarakat kenal dan tahu mengenai kewujudan mereka serta sedar yang artis-artis veteran ini juga banyak memberi sumbangan dalam industri seni lakonan, nyanyian dan banyak lagi ini.

Bukan itu sahaja, melalui kajian ini juga kita dapat menerokai mengenai bagaimana artis-artis veteran ini dijaga dan dihargai selepas daripada zaman kegemilangan mereka. Ini adalah kerana, ramai artis-artis veteran yang terjejas pendapatannya sejurus sahaja mereka kurang mendapat sambutan kerana ramai penyanyi-penyanyi muda yang ada sekarang ini. Selain itu, pengkaji juga dapat mengenalpasti dari mana mereka mencari sumber pendapatan selain daripada bergiat aktif dalam industri nyanyian ini. Melalui kajian ini banyak permasalahan yang dikenalpasti dan apa yang penting adalah setiap permasalahan yang dilalui dan dihadapi oleh setiap artis veteran ini harus dibantu serta dibendung supaya setiap permasalahan mereka ini tidak berulang lagi di masa yang akan datang.

3. OBJEKTIF KAJIAN

- i. Meneroka dengan lebih mendalam tentang liku-liku kehidupan yang dilalui oleh tokoh sepanjang beliau berada di dalam industri muzik Malaysia.
- ii. Mengkaji latar belakang kehidupan dan sejarah pendidikan tokoh yang dipilih.
- iii. Mengenal pasti apakah sumbangan atau pencapaian yang diterima oleh tokoh sepanjang beliau bergiat aktif dalam industri muzik Malaysia.

4. PERSOALAN KAJIAN

Berdasarkan temubual yang telah dijalankan, kajian ini memberi keutamaan kepada persoalan-persoalan seperti berikut:

- i. Bagaimana liku-liku kehidupan yang dilalui oleh tokoh sepanjang beliau berada di dalam industri muzik Malaysia.

- ii. Apakah latarbelakang kehidupan dan sejarah pendidikan tokoh yang dipilih.
 - iii. Apakah sumbangan atau pencapaian yang diterima oleh tokoh sepanjang beliau bergiat aktif dalam industri muzik Malaysia.
-

5. KEPENTINGAN DAN SUMBANGAN KAJIAN

Di Malaysia, seperti yang kita sedia maklum yang muzik merupakan sebahagian daripada seni yang mana datang nya dari berbilang etnik. Ia merupakan satu seni yang diwarisi sejak zaman-berzaman. Ada juga yang berpendapat bahawa muzik tidak dapat dipisahkan daripada kehidupan masyarakat. Akan tetapi seni muzik ini sering bertukar citara nya dari zaman berzaman. Bukan itu saja, akan tetapi orang yang berkecimpung dalam dunia seni muzik ini juga sering bertukar-tukar mengikut peredaran zaman. Oleh itu, di antara kepentingan yang dapat diperolehi melalui kajian yang dilakukan ini adalah ianya dapat membuka mata masyarakat khususnya generasi muda betapa pentingnya menghargai semangat juang artis veteran yang sentiasa mempertahankan industri seni sehingga kini. Walaupun mereka sudah tidak begitu aktif lagi dalam industri ini, akan tetapi amat penting untuk kita mengambil tahu apakah jasa-jaga dan pengorbanan yang telah mereka lakukan untuk membanggakan atau menaikkan nama tanah air kita iaitu Malaysia.

Selain daripada itu, melalui kajian ini juga ianya dapat memberi kefahaman kepada masyarakat zaman kini mengenai perjalanan yang perlu dilalui sebelum, semasa dan juga selepas mereka bergiat dalam seni nyanyian atau lakonan ini. Perkara ini dapat menjadi rujukan kepada anak-anak muda bahawa walaupun menjadi seorang artis atau penyanyi ini mempunyai banyak kebaikannya, akan tetapi mereka juga perlu mengetahui perjalanan-perjalanan yang perlu mereka tempuh sepanjang berada di dalam bidang seni nyanyian atau lakonan ini.

Kajian sejarah lisan dikatakan sangat menarik kerana setiap individu yang menjalankan kajian tersebut akan bertemu dengan pelbagai pengalaman baharu, melihat sejarah daripada aspek yang pelbagai, serta mengenali lebih banyak personality manusia. Ianya merupakan satu bidang kajian yang amat luas dengan meliputi pelbagai golongan masyarakat, seperti orang biasa, pemimpin masyarakat, gabenor, menteri kabinet, penulis terkenal, pengarang, korporat dan sebagainya (Rozeman, 2004)

Bukan itu sahaja, melalui kajian ini juga, ianya dapat membuka mata agensi-agensi di luar sana untuk menjalankan tugas mereka iaitu menjaga kebajikan artis-artis veteran ini. Hal ini adalah kerana, kebanyakannya agensi atau masyarakat pada masa kini lebih menumpukan perhatian kepada artis-artis atau penggiat-penggiat seni yang sedang menjolok naik namanya dan mengabaikan kebajikan artis-artis veteran ini. Jadi kemungkinan dengan adanya kajian ini, ianya dapat memberi kesedaran kepada mereka di luar sana bahawa artis-artis veteran ini juga masih memerlukan sokongan daripada mereka. Dengan berdekad-dekad pengalaman yang mereka perolehi dalam dunia seni ini, mereka mungkin boleh menjadi ‘role model’ kepada anak-anak muda yang baru ingin berkecimpung dalam bidang seni ini.

6. TINJAUAN LITERATUR

Industri kreatif merupakan industri yang melibatkan kreativiti individu, keterampilan dan bakat yang mempunyai potensi menjana kekayaan serta penciptaan pelelang pekerjaan melalui penggalakan dan eksplorasi harta intelek (KPKK, 2021). Menurut Sinar Harian (2021), industri kreatif memerlukan sokongan padu kerajaan dan organisasi swasta serta persekitaran yang kondusif mampu menarik pakar yang kreatif dari luar untuk menyumbang kemahiran mereka di negara ini bagi membolehkan lebih banyak peluang pekerjaan. Jelas menunjukkan bahawa industri kreatif berpotensi untuk meningkatkan ekonomi negara sekaligus membuka peluang pekerjaan kepada masyarakat. Pada era digital membentuk tata cara kehidupan dan cara berfikir hampir seluruh pelosok dunia,

industri kandungan kreatif menjadi wahana penting pembinaan tamadun bangsa yang sedar akan manfaat dan menguasainya. Dalam konteks tempatan, industri kreatif bukan sahaja untuk menjana ekonomi tetapi sama penting sebagai landasan mengangkat sosio budaya ke peringkat global. (Ku Seman Ku Hussain, 2019).

Menurut Raja Iskandar (2020), industri muzik dan hiburan di Malaysia juga telah melalui proses perubahan melalui aktiviti penghijrahan, kemajuan teknologi dan juga urbanisasi. Melalui arus perkembangan tersebut, ramai pemuzik, komposer dan penggubah lagu mula berhijrah untuk mengisi keperluan di dalam industri kreatif yang semakin berkembang. Seiring dengan perkembangan teknologi semasa yang pesat membangun, industri muzik turut mengalami transisi perubahan yang ketara. Perubahan muzik tradisional kepada muzik digital secara tidak langsung juga telah mengubah landskap industri muzik tempatan. Menurut Yue (2020), perkembangan muzik bergantung kepada perkembangan sains dan teknologi serta penglibatan media massa dalam komunikasi muzik dan seterusnya menjadi trend atau ikutan masyarakat. Industri muzik di Malaysia secara khususnya dilihat berkembang dengan baik melalui pemantauan dan inisiatif pembangunan pihak-pihak yang bertanggungjawab seperti kerajaan terutamanya melalui Dasar Industri Kreatif Negara yang dilancarkan sejak tahun 2012.

Menurut Norshafawati, Asiah & Fuziah (2010) muzik adalah salah satu unsur dalam kehidupan yang sangat anjal sifatnya. Kerana itu pengertian dan fungsi muzik dalam kehidupan adalah pelbagai. Salah satu fungsi asas muzik adalah sebagai hiburan. Muzik juga dilihat sebagai khazanah budaya sesuatu bangsa yang mampu menggambarkan imej dan ketamadunan budaya sesuatu bangsa itu. Muzik juga adalah sebahagian daripada kehidupan yang menggambarkan budaya, bangsa dan penyalur sikap, perasaan dan kisah kehidupan dalam masyarakat. Muzik juga berfungsi sebagai suatu medium dan produk dalam sistem hiburan di sesebuah negara. Umumnya, muzik mampu memberi kesan kepada emosi dan kepada masyarakat keseluruhannya yang dipercayai mampu memberi ketenangan, jalinan dalam perhubungan dan mempunyai kaitan dengan perniagaan (Coloma, 2005). Muzik juga adalah sebahagian daripada kehidupan yang menggambarkan budaya, bangsa dan penyalur sikap, perasaan dan kisah kehidupan dalam masyarakat.

Suhaimi et al. (2020) dalam kajiannya mencadangkan agar seniman dan penggiat seni perlu membiasakan diri dengan pendekatan yang lebih kreatif dan inovatif jika ingin bersaing dalam pasaran industri kreatif dan hiburan. Kebanyakan seniman di seluruh dunia telah mula beradaptasi dengan norma baharu akibat pandemik COVID-19 dengan menggunakan media digital dan media sosial untuk menyampaikan berita, serta aktiviti promosi dan pemasaran karya yang telah dihasilkan. Kajian Ramli (2020) menyatakan bahawa pemain industri seni kreatif perlu untuk menyesuaikan diri dengan perubahan landskap arus teknologi yang semakin berkembang pesat dengan menggalakkan kerjasama dan memberi tumpuan kepada kreativiti, seni muzik Malaysia boleh terus berkembang dan menghasilkan muzik yang bertenaga untuk penonton tempatan dan global.

Di dalam konteks kajian ini, gelaran artis veteran ini biasanya diberikan kepada golongan-golongan penggiat seni Tanah Melayu yang melibatkan diri dalam bidang nyanyian, lakonan, pembuatan lirik-lirik lagu, pengarah filem dan banyak lagi. Kisah artis veteran yang jarang menjadi bualan masyarakat akan tetapi mereka lah orang-orang yang banyak memberi sumbangan kepada seni tanah air kita. Menurut Kamus Dewan Bahasa, makna yang lebih mendalam mengenai veteran ini ialah mengenai orang-orang yang telah banyak pengalamannya dalam sesuatu perkara. Seperti tokoh yang telah dipilih bagi kajian ini iaitu Tahir Ali, beliau merupakan seorang yang semangat yang tinggi dan sentiasa mencuba pelbagai perkara bagi memastikan impianinya tercapai. Beliau merupakan seorang penyanyi yang sentiasa mencuba untuk mengejar impian nya sebagai seorang anak seni. Oleh itu, dapat dibuktikan bahawa beliau merupakan seorang insan yang sentiasa mencuba untuk mengejar impian nya sejak dari dulu lagi.

7. METODOLOGI

Semasa melaksanakan kajian ini di antara kaedah yang digunakan bagi memastikan kajian ini menepati setiap objektif yang telah ditetapkan adalah dengan menggunakan kaedah sejarah lisan. Kaedah sejarah lisan ini merupakan salah satu kaedah yang di mana kenang-kenangan mengenai seorang tokoh itu dirakamkan secara wawancara. Di antara tokoh-tokoh yang dipilih untuk terlibat dalam kajian ini adalah mereka yang dapat menyumbang maklumat bersejarah yang mereka perolehi daripada penglibatan dan juga pengalaman diri mereka sendiri. Tokoh yang dipilih untuk diwawancara merupakan seorang penggiat aktif dalam bidang nyanyian iaitu Tahir Ali ataupun lebih dikenali sebagai Jatt Ali. Beliau merupakan seorang penyanyi rock daripada kumpulan Black Dog Bone yang pernah terkenal di Malaysia dan juga di Singapura pada zaman 70an dahulu.

Beliau telah dipilih untuk diwawancara kerana beliau merupakan salah satu artis veteran yang masih lagi aktif dalam bidang nyanyian nya dan juga salah seorang penyanyi yang masih lagi terlibat dengan beberapa rancangan di televisyen seperti Gegar Vaganza. Beliau telah mempunyai banyak pengalaman pahit getir yang telah beliau lalui sepanjang berada di dalam bidang nyanyian ini.

Untuk setiap maklumat yang diperolehi daripada wawancara dengan Encik Tahir Ali akan disalin balik setiap butiran maklumat itu dan pengkaji juga akan memastikan salinan itu desemak berkali-kali untuk memastikan tidak ada sebarang maklumat yang tertinggal. Kemudian setelah selesai menyemak dan semua maklumat yang ditulis atau ditaip itu adalah tepat seperti yang diberikan oleh Encik Tahir Ali, jadi tugasannya boleh digunakan sebagai bahan rujukan pengajaran dan juga penyelidikan oleh pihak-pihak tertentu.

Seterusnya mengenai bagaimana data ini dikumpulkan adalah dengan menjalankan proses temu bual atau wawancara bersama dengan tokoh yang telah dipilih ini. Platform yang digunakan untuk menemu bual tokoh adalah secara talian menggunakan *Google Meet*. Pengkaji telah memastikan setiap perbualan secara atas talian ini dirakam bagi tujuan menyalin atau menaip semula maklumat yang telah didapati ini. Sepanjang temu bual ini berlangsung, pengkaji telah menyediakan beberapa soalan untuk dijawab oleh tokoh dan semestinya setiap soalan yang ditanyakan ini berkisarkan tentang diri dan juga pengalaman hidup pahit manis tokoh sepanjang berada dalam industri nyanyian ini.

8. HASIL KAJIAN

Melalui kajian ini, banyak maklumat yang telah diperolehi tentang diri tokoh dan maklumat yang dikongsikan tersebut semestinya sahih kerana maklumat tersebut telah dikongsikan oleh diri beliau sendiri. Tahir Ali atau lebih dikenali sebagai Jatt Ali merupakan seorang penyanyi veteran yang terkenal pada tahun 1973-1990 an. Beliau adalah anak kelahiran dari Singapura yang dilahirkan pada 19 Januari 1956 dan merupakan anak kepada Allahyarham Haji Ali Bin Sabjian dan Hajah Zainah Binti Maon. Selain itu, beliau juga mempunyai lima (5) orang adik-beradik iaitu dua (2) orang perempuan dan tiga (3) orang lelaki. Beliau juga telah berjaya menjadi anak seni atau seorang penyanyi yang terkenal di Malaysia pada waktu ketika dahulu dan juga lagu yang dinyanyikan oleh beliau juga sudah tidak asing di telinga masyarakat pada masa kini. Antara lagu-lagu beliau adalah 'Khayalan', 'Si Gadis Ayu' dan banyak lagi. Beliau juga pernah bergabung dengan penyanyi hebat seperti Ziana Zain dan Ning Baizura dalam menghasilkan satu album 'Walt Disney'.

Penyanyi veteran ini dikenali di seluruh Malaysia sekitar 80-90 an dan beliau merupakan salah seorang ahli kumpulan Black Dog Bone. Bersama kumpulan ini mereka telah berjaya melancarkan tujuh (7) buah album. Karier beliau dalam bidang muzik buat pertama kalinya pada tahun 1973 setelah sebuah kumpulan muzik ditubuhkan pada tahun tersebut yang dinamai sebagai Black Dog Bone yang dianggotai sebanyak 6 orang dan beliau adalah vokalis utama kumpulan muzik tersebut. Black Dog

Bone dibubarkan pada 1981 sebelum kembali aktif seketika sehingga 1990-an. Setelah sekian lama akhirnya beliau tampil menjadi salah seorang peserta dalam program realiti Astro, Gegar Vaganza musim keenam pada tahun 2019. Sepanjang temubual tersebut diceritakan, pelbagai ujian dan cabaran telah dihadapi oleh Tahir Ali (Jatt) semasa berkhidmat sebagai penyanyi dalam Industri Muzik Malaysia.

Gelaran artis veteran biasanya diberikan kepada golongan-golongan penggiat seni Tanah Melayu yang melibatkan diri dalam bidang nyanyian, lakonan, pembuatan lirik-lirik lagu, pengarah filem dan banyak lagi. Kisah artis veteran yang jarang menjadi bualan masyarakat akan tetapi mereka inilah orang-orang yang banyak memberi sumbangan kepada seni tanah air kita. Menurut Kamus Dewan Bahasa makna yang lebih mendalam mengenai veteran ini ialah mengenai orang-orang yang telah banyak pengalamannya dalam sesuatu perkara. Seperti tokoh yang telah dipilih oleh pengkaji iaitu Tahir Ali beliau merupakan seorang yang sentiasa sabar dan sentiasa mencuba pelbagai perkara bagi memastikan impianinya tercapai. Sewaktu sesi temu bual dijalankan, beliau ada menceritakan mengenai hinaan-hinaan yang telah diberikan oleh orang sekeliling mengenai bidang nyanyian rock ini. Beliau mengatakan yang ada segelintir masyarakat yang beranggapan bahawa nyanyian rock ini adalah untuk memuja syaitan. Akan tetapi beliau menegaskan yang perkara ini tidak betul sama sekali serta beliau ada mengatakan yang *genre* rock ini ada pelbagai, tidak semestinya lagu rock itu memuja syaitan. Ada juga lagu rock yang menceritakan tentang cinta, nasihat-nasihat dan banyak lagi. Walaupun pernah dipandang serong tapi beliau tetap tidak berputus asa dan tetap meneruskan impian beliau iaitu menjadi penyanyi rock sehingga kini. Banyak jasa yang telah beliau berikan terhadap industri nyanyian ini termasuk menaikkan lagi minat-minat orang sekeliling terhadap nyanyian rockers ini.

Peluang untuk menjadi penyanyi agak mudah suatu ketika dahulu, tetapi ianya tidak semudah itu sekarang bila mana penggunaan laman sosial untuk menempa nama dalam bidang hiburan di Malaysia. Dengan teknologi yang serba canggih pada kini dapat digunakan oleh mereka yang mempunyai bakat dalam apa juar bidang untuk ditonjolkan kepada khalayak umum dan menerima pelbagai reaksi dari pelbagai orang. Berbeza dengan situasi dahulu dimana tidak ada lagi teknologi canggih pada waktu itu seperti media sosial yang mendapat penggunaan meluas pada masa sekarang. Malah, peminat mereka pun tidak diketahui berapa ramai jika dibandingkan pada masa kini. Jadi benarlah, teknologi juga adalah sesuatu perkara yang dianggap penting dan memberi impak yang besar terutamanya dalam bidang - bidang hiburan seperti lakonan, nyanyian dan banyak lagi. Sebagai contoh, peralihan dari muzik analog ke muzik digital merupakan perubahan besar dalam industri muzik di Malaysia. Ini membawa kepada perubahan dari banyak perkara dan memberi impak yang signifikan terhadap pemain industri di Malaysia.

9. KESIMPULAN

Akhir sekali berdasarkan kajian yang telah dijalankan ini, pengkaji telah berjaya mengumpulkan beberapa maklumat yang diperlukan mengenai penyanyi veteran iaitu Encik Tahir Ali. Selain itu, pengkaji juga dapat mengetahui sedikit sebanyak bagaimana cara untuk berurusan dengan seniman ini serta mengetahui mengenai biodata beliau secara tidak langsung. Bukan itu saja, pengkaji juga dapat menyedari bahawa betapa banyaknya sumbangan yang telah diberikan oleh penyanyi veteran ini kepada masyarakat Malaysia, walaupun kewujudan mereka makin dilupakan namun bagi yang betul-betul menghargai mereka akan sedar bahawa artis veteran tanah air inilah perlu dikenang sampai bila-bila. Selain daripada itu, melalui kajian yang telah dilakukan ini ianya dapat memberi banyak sumbangan kepada masyarakat atau organisasi-organisasi di luar sana untuk lebih membuka mata mengenai isu artis veteran ini yang perlu sentiasa disanjungi dan dihargai sampai bila-bila.

Mengenai kajian ini iaitu “Mengejar Impian Anak Seni: Tahir Ali” adalah lebih kepada bagaimanakah perjalanan hidup yang terpaksa beliau lalui sepanjang beliau mengejar impian beliau

sebagai seorang seni tanah air. Ringkasan adalah, tetap saja mengejar minat kita walaupun ada yang mengeji, ada yang menghina. Jangan jadikan hinaan ini sebagai pemutus asa, akan tetapi jadikanlah hinaan ini sebagai penguat semangat dalam mengejar impian hidup kita. Melalui kisah hidup beliau ini, kita dapat mengambilnya sebagai satu pengajaran atau sebagai satu pedoman di sepanjang kehidupan kita walaupun impian kita bukanlah ingin menjadi seorang penyanyi seperti beliau tapi banyak pengalaman yang dikongsikan oleh beliau boleh diambil sebagai semangat untuk kita terus mengejar impian kita.

RUJUKAN

- Coloma, D. & Kleiner H.B. (2005). How can music be used in business?. *Management Research News*. 28(11/12)
- Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan (2021). *Dasar Industri kreatif Negara*. Retrieved October 1, 2024 from <https://www.kkmm.gov.my/pdf/Dasar/Dikn.pdf>
- Ku Seman Ku Hussain (2019). Industri kreatif pembina tamadun dunia. *Berita Harian Online*. Retrieved October 1, 2024 from https://www.bharian.com.my/kolumnis/2019/11/628171/industri-kreatif-pembina-tamadun-dunia#google_vignette
- Norshafawati Saari, Asiah Sarji, and Fuziah Kartini Hassan Basri. (2010). Muzik dan pembangunan sosial: paparan dasar industri hiburan dalam akhbar-akhbar di Malaysia. *Jurnal Komunikasi; Malaysian Journal of Communication*, 26(2). pp. 47-65.
- Raja Iskandar Raja Halid. (2020). *Perkembangan muzik popular di Malaysia: Satu tinjauan sejarah tahun 1900-1969*. Kampung Karyawan Amanjaya Sdn. Bhd.
- Ramli, N., & Hassan M. Y. (2020). The impact of digital technology on the music industry in Malaysia. *Jurnal Ekonomi Malaysia*, 54(1), 33-34.
- Rozeman Abu Hassan (2004). *Mengenali dan Mentafsir Sumber-sumber Sejarah*. Shah Alam: Karisma Pub.
- Saleh, M. S., Rosman, M. R. M., & Nani, N. K. (2013). Bank selection criteria in a customers' perspective. *Journal of Business and Management*, 7(6), 15-20.
- Sejarah Lisan dan Kepentingannya (2019). PERMAS UPSI. Retrieved October 1, 2024, from <https://permasupsi.wixsite.com/permasupsi/post/sejarahlisan-dan-kepentingannya>
- Sinar Harian (2021). AKM 100 Hari: Nafas baharu industri kreatif. Retrieved October 1, 2024 from <https://www.sinarharian.com.my/article/174698/berita/nasional/akm-100-hari-nafas-baharu-industri-creatif>
- Suhaimi Magi, Jabil Mapjabil, Baharuddin Mohd Arus, Rosli Sareya, Datu Razali Datu Eranza, & Toh Min Min. (2020). Impak, cabaran dan inisiatif penggiat seni persembahan sepanjang tempoh pandemik COVID-19. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development*, 5(32), 74-82.
- Yue, Y. (2020). Innovation of music communication strategy based on comparative analysis of Chinese and foreign music education. *Paper presented at the 4th International Conference on Advancement of the Theory and Practices in Education (ICATPE)*. P 407-411.